

MSC & CTSB NEWSLETTER

VOL
20

Author: Izzatul Hanani
Editor: Siti Amira Aisyah

October 2024

1. Sesi Go-Live Naiktaraf Modul Hasil EPT 3.0 Bagi 3 PBT

01/10/2024 (SELASA)



Sesi go-live telah berjalan selama 3 hari di Majlis Daerah Yong Peng, Majlis Daerah Simpang Renggam, dan Majlis Daerah Mersing. Sesi ini bermula dari 1/10/2024 sehingga 3/10/2024. Sesi ini adalah bertujuan untuk memberi sokongan kepada 3 PBT ini untuk menjalankan sistem ePBT yang telah dinaiktaraf kepada ePBT 3.0 bagi 8 Modul Hasil. Sesi ini juga telah dilaksanakan dan dibantu oleh beberapa wakil CTSB Johor Bahru, and CTSB Kuantan.

2. Mesyuarat Perbincangan Integrasi SuperAPP Bagi Majlis Perbandaran Pengerang

02/10/2024 (RABU)



Pada 2/10/2024, 5 orang wakil daripada MPP dan 4 orang wakil daripada vendor SuperAPP MPP telah datang melawat dan menghadiri mesyuarat perbincangan integrasi bagi SuperAPP MPP di Menara MSC Cyberport. Perbincangan tersebut bertujuan bagi mengenalpasti apa maklumat-maklumat yang diperlukan oleh vendor tersebut untuk SuperAPP yang akan dibangunkan supaya ia berjalan dengan lancar. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh beberapa orang wakil CTSB iaitu CTO, Azwan, Shah, Ikhwan, dan Khalis.

3. Majlis Farewell Radhi - Finance Department

02/10/2024 (RABU)



Majlis Farewell Radhi telah diadakan sebagai tanda penghargaan atas sumbangannya di MSC bersama Finance Department. Radhi telah bersama MSC sejak tahun 2019 dengan bermula sebagai Eksekutif Akaun MSC. Majlis jamuan hi-tea telah diadakan dan yang turut disertai oleh rakan-rakan dan team. Kami mengucapkan semoga maju jaya di tempat baru.

5. Sesi Latihan Bagi Modul Aset Tak Alih Majlis Bandaraya Diraja Klang

03/10/2024 (KHAMIS)

Sesi Latihan Modul Aset Tak Alih ini telah dijalankan di MBDK pada 3/10/2024. Sesi latihan ini bertujuan untuk menerangkan bagaimana proses kerja Aset Tak Alih di dalam sistem ini berjalan. Ia dihadiri oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Kewangan MBDK. Sesi ini telah dilaksanakan oleh 2 orang wakil CTSB iaitu Syahirah dan Habibah.

4. Sesi Latihan Bagi Modul Pelaburan Majlis Bandaraya Diraja Klang

03/10/2024 (KHAMIS)



Sesi Latihan bersama Majlis Bandaraya DiRaja Klang telah dijalankan di MBDK pada 3/10/2024. Sesi Latihan ini berjalan selama satu hari dan ia dihadiri oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Kewangan. Sesi ini telah dilaksanakan oleh 2 orang wakil CTSB iaitu Syahirah dan Habibah.

6. Sesi Latihan Buku Tunai Dan Penutupan Penyata Kewangan MPBP

06/10/2024 (AHAD)



Satu sesi latihan bagi Modul Buku Tunai dan Penutupan Penyata Kewangan telah dijalankan selama 2 hari daripada 6/10/2024 sehingga 7/10/2024 di Majlis Perbandaran Batu Pahat. Sesi latihan ini telah dihadiri oleh Jabatan Kewangan MPBP. Ia juga dihadiri dan dilaksanakan oleh 3 orang wakil CTSB iaitu Wana, Khalis dan Shafika Manaf.

7. Transfer of Technology Fasa 3 Majlis Bandaraya Kuantan di Melaka

06/10/2024 (AHAD)



Transfer of Technology (ToT) Fasa 3 Majlis Bandaraya Kuantan telah dilaksanakan di Hatten Hotel, Melaka bersama 5 orang pegawai daripada MBK yang hadir. Dengan kerjasama daripada Business Development Department (CA), MBK telah mendapat pengetahuan tentang Flutter Application Development daripada salah seorang Pengajar/Trainer yang berpengalaman. Sesi ToT ini dapat membantu pegawai MBK untuk mendapatkan pengalaman di dalam Flutter Application Development. Turut serta adalah Rafidah, Izzuddin, Suhaib, Azwan, Shah, Divya, Yuhanis, dan Fadhzillah.

8. Event Terengganu Smart City Activation (TSCA) Day

09/10/2024 (RABU)



Pada 9/10/2024, CTSB telah menyertai TSCA Day 2024. Ia telah berlangsung di Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu, Kuala Terengganu selama 1 hari. CTSB berpeluang berkongsi bagaimana CTSB memimpin masa depan Kerajaan Pintar melalui transformasi pendigitalan di dalam pengurusan tadbir dan perkhidmatan bagi orang awam. TCSA ini telah dihadiri oleh beberapa wakil CTSB daripada JB, Kuantan, dan Terengganu.

9. Pengujian Uji Cuba Kendiri EPBT 3.0 Fasa 2 Bagi MBPG

15/10/2024 (SELASA)



Sesi Uji Cuba Kendiri ePBT 3.0 telah dijalankan buat kali kedua selama 3 minggu. Antara modul yang diuji sepanjang sesi fasa 2 ini adalah Modul Inventori, Modul Kompaun (Handheld), Modul Buku Tunai, dan Modul Portal Online. Ia telah disertai oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan juga jabatan-jabatan pengguna yang lain. Beberapa wakil CTSB JB telah bertempat di MBPG bagi membantu pegawai dan pengguna di MBPG.

10. Mesyuarat Teknikal Majlis Bandaraya Kuantan Bersama Ahli-ahli Majlis

17/10/2024 (KHAMIS)



Mesyuarat Teknikal telah dijalankan di Majlis Bandaraya Kuantan sebelum majlis penutupan projek dilakukan. Ia telah dihadiri oleh ahli majlis iaitu YH. Dato' Hasnul Hamidi Bin Harun. Ia telah dilaksanakan selama 1 hari bersama wakil CTSB Kuantan iaitu Suhaimi, Rafidah, dan Puan Arina.

11. Mesyuarat Rundingan Harga dan Perbincangan Data Cleaning bagi Lesen MPP

22/10/2024 (SELASA)

Pada 22/10/2024, Majlis Perbandaran Pengerang telah hadir di Menara MSC Cyberport bagi menghadiri Mesyuarat Rundingan Harga dan Perbincangan Data Lesen. Ia telah dihadiri oleh 5 orang pegawai MPP daripada Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Pelesenan MPP. Juga, mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Puan Arina serta dihadiri oleh Fozuyanis, Yuhanis, Izzati, Izwan, dan Khalis.

12. Pengujian UAT Modul Aset Tak Alih Bagi Majlis Bandaraya Diraja Klang

23/10/2024 (RABU)

Pada 23/10/2024, sesi Pengujian UAT Modul Aset Tak Alih telah diadakan selama 1 hari di MBDK. Pengujian tersebut dihadiri oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan pengguna (jabatan) di MBDK. Beberapa orang wakil CTSB KL telah membantu menjalankan sesi ini iaitu Syahirah, Habibah, Rahimie dan Hazizi turut membantu dari CTSB JB adalah Amirah, dan Azizi.



13. Showcase Modul Pengurusan Pelanggan Majlis Bandaraya Diraja Klang

24/10/2024 (KHAMIS)



Showcase Modul Pengurusan Pelanggan MBDK telah dijalankan pada 24/10/2024. Ia adalah sebuah demonstrasi sistem pengurusan pelanggan yang direka untuk meningkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan kepada rakyat. Modul ini membantu dalam mempermudah komunikasi, mengurus aduan dan permohonan, serta menyokong interaksi yang lebih baik antara pihak majlis dengan komuniti. Showcase ini telah dihadiri oleh beberapa orang wakil CTSB KL iaitu Habibah, Syahirah, Rahimie, dan Hazizi.

14. Festival Sains, Teknologi Dan Inovasi Terengganu 2024 (FESTI)

26/10/2024 (SABTU)



Festival Sains, Teknologi, dan Inovasi Terengganu 2024 (FeSTI) di Pusat Sains & Kreativiti Terengganu dari 26/10/2024 hingga 28/10/2024 adalah acara interaktif yang mempromosikan minat dalam STEM, terutamanya di kalangan belia. Pengunjung boleh menyertai aktiviti seperti bengkel, pameran, dan gerai interaktif. FeSTI juga menyokong misi PSKT untuk meningkatkan literasi STEM di Terengganu melalui program pendidikan sepanjang tahun. Beberapa wakil CTSB telah menghadiri dan melaksanakan FeSTI ini iaitu Yusuf, Faizul, Aqilah, dan Syafiqah.

15. Malaysia Halal Logistic Conference 2.0 (MAHIC 2.0)

27/10/2024 (AHAD)



Pada 27/10/2024, CTSB menghadiri Malaysia Halal Logistic Conference 2.0 (MAHIC 2.0) di FIVES Hotel JB, anjuran PPEHMA. Seminar ini dihadiri 80 peserta, termasuk rakan kerjasama CTSB dari PIJ, TransTrack, dan Arshipelago (Indonesia). Objektif seminar adalah memperkuatkan pemahaman halal dalam logistik dan integrasinya dalam perniagaan. CTSB diberi kepercayaan membangunkan platform halal digital bersama PIJ, menyokong Johor sebagai bandar pintar dan pusat halal global. Beberapa orang daripada wakil CTSB telah menghadiri MAHIC 2.0 iaitu Ikhwan dan Syafaizah.

16. Perbincangan Projek Halal Platform di MSC

28/10/2024 (ISNIN)



Pada 28/10/2024, sesi perbincangan susulan diadakan di MSC Cyberport untuk pembangunan platform integriti rantai bekalan makanan halal Johor melibatkan PIJ, CTSB, dan rakan strategik Indonesia, TransTrack serta Arshipelago. Sesi sehari ini dihadiri 15 wakil pihak berkepentingan bagi membincangkan elemen papan pemuka yang akan dibangunkan untuk sistem rantai bekalan makanan halal yang digital dan holistik, sejajar dengan hasrat Johor. Usaha ini diharapkan dapat diketengahkan di peringkat global dan mengukuhkan Malaysia sebagai peneraju industri halal. Antara wakil CTSB yang telah melaksanakan perbincangan ini adalah Ikhwan, Syafaizah, dan Aisyah.